

Lebih 3,800 pelajar terima manfaat

Hasil program Food Bank Siswa yang dilancarkan KPDNHEP sehingga Julai lalu

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Lebih 3,800 mahasiswa universiti awam di seluruh negara menerima manfaat program Food Bank Siswa yang dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sehingga Julai lalu.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah penerima isi rumah keseluruhan sehingga Ogos lalu mencapai seramai 311,189 orang.

Menurutnya, program itu



Saifuddin (kanan) mengiringi Sultan Sallehuddin meninjau Food Pantry yang menyimpan barang makanan kering selepas merasmikan Food Bank Siswa di UUM, Jitra semalam.

berjaya menyelamatkan sebanyak 1,700 tan metrik lebihan makanan yang diagihkan kepada golongan sasaran.

"Program Food Bank Siswa

adalah berterusan dan bukan bersifat sementara atau dijalankan sekali sahaja.

"Universiti Utara Malaysia (UUM) ialah universiti ke-13 yang

melancarkan program ini dan kami bercadang memperluaskannya kepada 20 universiti menjelang hujung tahun ini," katanya selepas pelancaran Food Bank Siswa di UUM di sini semalam.

Majlis pelancaran disempurnakan Sultan Kedah, Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah.

Saifuddin berkata, susulan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 15 Februari lalu, kerajaan membuat keputusan meluaskan program Food Bank ke seluruh institusi pengajian tinggi.

"Antara cadangan kita ialah menyasarkan sebanyak 123 institusi pengajian termasuk kolej komuniti, politeknik dan Institut Pendidikan Guru (IPG) tahun depan," katanya.

Menurutnya, usaha itu adalah inisiatif membantu mahasiswa yang memerlukan, selain menangani kos sara hidup.

Katanya, kementerian melalui

Yayasan Food Bank Malaysia mengambil inisiatif menghubungkan pihak industri terlibat seperti pasar raya dan pengeluar produk makanan, restoran serta hotel dengan penggerak terlibat dalam membantu menyalurkan bantuan makanan kepada universiti.

"Bagi melancarkan agihan, dua kaedah digunakan iaitu Food Pantry yang menyimpan makanan kering di sebuah bilik dan diuruskan Persatuan Mahasiswa, selain Central Kitchen iaitu sumbangan makanan boleh dimasak seperti sayuran dan buah-buahan kepada mahasiswa yang layak," katanya.

Saifuddin berkata, kementerian turut menggalakkan kerjasama mahasiswa terutama persatuan melaksanakan Food Bank Siswa.

"Sebagai permulaan, seramai 300 mahasiswa UUM layak menerima bantuan program ini. Kita juga mempelawa mana-mana syarikat menyumbang sama ada wang, barang atau sukarelawan," katanya.

HARI :	16/9/2019
TARIKH :	
M/SURAT :	13
ISNIN	